



Semua Pegawai Pengawal,  
**PULAU PINANG.**

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2017**

### **GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN BAJET TAHUN 2018**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal di Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang dalam penyediaan cadangan Bajet bagi tahun 2018 yang meliputi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Anggaran Hasil bagi jabatan masing-masing.

#### **TRANSFORMASI TADBIR URUS**

2. Dalam menyediakan cadangan bajet bagi tahun 2018, adalah penting bagi semua Pegawai Pengawal agar memahami dasar-dasar, strategi dan keutamaan-keutamaan Kerajaan Negeri yang perlu diberikan perhatian. Ini adalah penting supaya setiap ringgit yang dibelanjakan akan berupaya memberikan impak sebagaimana yang disasarkan. Justeru, untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi negeri, penekanan Kerajaan Negeri adalah kepada mempertingkatkan kecekapan tadbir urus perkhidmatan awam yang sesungguhnya berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan dengan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perlu dengan cekap dan

juga sebagai pemudahcara kepada awam dan sektor swasta. Ekonomi negeri Pulau Pinang boleh dilonjakkan dengan gandingan dan kerjasama semua pihak.

### **Bajet Berteraskan Hasil (*Outcome-Based Budgeting*)**

3. Berpaksikan kepada tadbir urus yang cekap dan berintegriti, maka prinsip belanjawan berteraskan hasil (*outcome based budgeting*) akan diteruskan dan menjadi asas kepada penyediaan bajet 2018. Pegawai Pengawal hendaklah merangka program/aktiviti/projek mengikut fungsi jabatan masing-masing dengan berlandaskan kepada dasar-dasar dan strategi Kerajaan Negeri dan memberikan keutamaan kepada keberhasilan atau *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah disasarkan dimana matlamat utama hendaklah menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Dalam masa yang sama, perhatian khusus hendaklah diberikan supaya tidak berlaku pertindihan kepada kumpulan sasar yang akan menikmati hasil perancangan.

### **Batas Perbelanjaan Bajet Mengurus**

4. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya cadangan anggaran perbelanjaan 2018 tidak melebihi batas perbelanjaan yang ditetapkan. Jabatan Kewangan Negeri akan memaklumkan Batas Perbelanjaan kepada setiap Jabatan pada bulan April 2017 bagi Dasar Sedia Ada.

5. Pengagihan batas perbelanjaan kepada **Objek Am 10000 Emolumen** dan **Objek Am 20000 Perkhidmatan dan Bekalan** yang akan diberi adalah berdasarkan keperluan sebenar serta keupayaan membelanjakan peruntukan oleh setiap Jabatan/Agensi.

## Cadangan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018

6. Dalam memastikan tidak berlaku pembaziran, kesemua cadangan mestilah berupaya memberikan nilai optima bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (*optimal value for money*). Justeru, dalam menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Menetapkan dan menyusun program-program/aktiviti-aktiviti jabatan mengikut keutamaan yang berteraskan '*outcome based*' dan '*cost effective*';
- ii. Program atau aktiviti yang tidak lagi relevan atau bertindih dari segi fungsi atau kumpulan sasar perlu ditamatkan;
- iii. Memperuntukkan jumlah yang mencukupi bagi perbelanjaan wajib dan komited seperti Emolumen, Sewaan, Perhubungan dan Utiliti, Penyenggaraan dan Perkhidmatan yang dilaksanakan secara kontrak. Permohonan bagi peruntukan Emolumen hendaklah mengambil kira kemampuan pengisian jawatan kosong sedia ada dan kesesuaian samada penempatan diperlukan atau sebaliknya. Ini adalah bagi mengelakkan peruntukan yang berlebihan dipohon untuk **Objek Am 10000**;
- iv. Kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan kelulusan perolehan dari Jabatan Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah **Objek Sebagai 29000**.

Permohonan perkhidmatan adalah bagi melaksanakan sesuatu tugas dalam jangka masa pendek serta penggunaan kepakaran yang tidak boleh diperolehi di peringkat jabatan;

- v. Memastikan cadangan perolehan aset baharu dihadkan kepada penggantian kenderaan yang telah dan boleh dilupuskan atau keperluan asas jabatan yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan disamping mengambil kira keupayaan kewangan jangka panjang untuk penyelenggaraan aset berkenaan;
- vi. Memastikan pematuhan kepada langkah-langkah dan pengawalan perbelanjaan seperti ketetapan **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.11 Tahun 2008** dan **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.2 Tahun 2014** serta Surat Pekeliling Kewangan Negeri yang berkaitan; dan
- vii. Memberi perhatian kepada teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara berkenaan kelemahan pengurusan kewangan dan kelemahan dalam melaksanakan aktiviti jabatan serta syor-syor oleh Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri.

### **Perjanjian Program**

7. Penyediaan cadangan Perbelanjaan Mengurus hendaklah dikemukakan bersama dengan **Perjanjian Program** yang menekankan pencapaian *output* dan *outcome* Jabatan/Agensi. Penyediaan Perjanjian Program dan Prestasi hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Ringkasan Eksekutif Anggaran Perbelanjaan Tahunan jabatan **(ABM 1)**;
- ii. Perjanjian Program **(ABM 2)** yang terdiri daripada objektif, analisa keperluan pelanggan, fungsi dan pelan penilaian program jabatan;
- iii. Ringkasan kedudukan anggota jabatan berbanding perjawatan pada 1 Januari tahun semasa **(ABM 3)**;
- iv. Ringkasan Cadangan '*One Off*' / Dasar Baharu **(ABM 4 & 5)**;
- v. Cadangan Penjimatan **(ABM 6)**; dan
- vi. Ringkasan Perbelanjaan Mengurus mengikut Objek Sebagai **(ABM7)**.

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan **tiada percanggahan maklumat** di antara data yang dimasukkan ke dalam sistem SPEKS dengan data yang direkodkan dalam Perjanjian Program.

8. Penyediaan cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan Tahun 2018 mengikut garis panduan yang dinyatakan hendaklah mengikut format yang disediakan dalam sistem SPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran A**.

### **Cadangan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2018**

9. Cadangan projek pembangunan hendaklah berfokuskan kepada faedah projek yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan dapat

meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek infrastruktur baharu atau kerja-kerja penyelenggaraan yang dapat memberi keselesaan dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat awam.

10. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan projek baharu yang dicadangkan adalah projek yang telah dimiliki tapak dengan menyediakan brief projek yang terperinci serta jadual keperluan aliran tunai sehingga projek siap. Anggaran kos projek hendaklah dibuat berdasarkan nilai pasaran semasa dengan mengambil kira faktor peningkatan/penurunan harga bahan-bahan binaan, kos buruh dan faktor-faktor lain bagi mengelakkan '*over budget*' atau '*under budget*', agar anggaran perbelanjaan pembangunan yang tepat dapat disediakan.

11. Semua cadangan projek pembangunan hendaklah mempunyai justifikasi pelaksanaannya dan telah mendapat kelulusan daripada Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi portfolio yang berkaitan.

12. Bagi cadangan projek fizikal, Jabatan Teknikal hendaklah dirujuk terlebih dahulu agar dapat ditentukan keupayaan pelaksanaan projek dan keperluan aliran tunai projek mengikut jadual bagi memastikan peruntukan pembangunan yang disediakan adalah mencukupi dan tidak berlaku '*shortfall*' atau lebihan. Dalam memastikan projek yang telah dirancang dilaksanakan mengikut jadual, kedua-dua Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal adalah sama-sama bertanggungjawab.

13. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan senarai projek dan ringkasan keperluan projek serta siling peruntukan bagi menyiapkan projek hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Bahagian Perancang Ekonomi

Negeri (BPEN) yang bertanggungjawab menyelaras dan memperakukan cadangan permohonan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri. Keutamaan hendaklah diberikan kepada projek-projek sambungan.

14. Adalah menjadi tanggungjawab bersama Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal untuk menyediakan keperluan aliran tunai bagi setiap projek sambungan sehingga projek siap. Sekiranya peruntukan untuk projek sambungan tidak dimohon dan tidak disediakan, maka Pegawai Pengawal hendaklah mengkaji semula projek yang masih belum dimulakan serta menyusun semula projek mengikut keutamaan supaya peruntukan pembangunan yang disediakan dapat diagihkan kepada projek sambungan yang memerlukan. Penyelarasan semula keutamaan projek melalui Notis Perubahan ataupun pindahan peruntukan hendaklah mendapat kelulusan BPEN dan Jabatan Kewangan Negeri.

15. Perhatian yang serius sewajarnya diberi oleh Jabatan-jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terhadap perancangan projek-projek pembangunan bagi tahun 2018 agar selaras dengan kehendak semasa Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) Negeri. Manakala BPEN selaku Pengerusi Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Pembangunan Negeri akan meneruskan peranannya dalam menyelaras pelaksanaan, pemantauan dan penilaian prestasi projek-projek pembangunan Negeri.

16. Cadangan perbelanjaan Pembangunan hendaklah mengikut format yang disediakan dalam sistem SPEKS seperti di **Lampiran B**.

## Anggaran Hasil Tahun 2018

17. Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan kemasukan data mengikut kod hasil adalah munasabah. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2018 berbanding anggaran tahun 2017. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- i. Rekod pungutan hasil sebenar bagi tempoh dua (2) tahun lalu;
- ii. Perubahan-perubahan yang berlaku disebabkan perubahan dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa/dijangkakan; dan
- iii. Usaha-usaha dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan kutipan tunggakan yang dibuat oleh Jabatan;

Penyediaan anggaran hasil bagi tahun 2018 hendaklah mengambil kira perkara-perkara tersebut dan mengikut format yang disediakan dalam Sistem SPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran C**.

18. Pegawai Pengawal hendaklah meneliti dan menyemak cadangan bajet yang disediakan di peringkat jabatan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri melalui sistem SPEKS Modul Bajet, di samping mengemukakannya dalam bentuk dokumen '*hard copy*' **sebelum atau pada 31 Mei 2017** seperti berikut:



- i. **tiga (3) salinan** Perjanjian Prestasi serta '*soft copy*' dalam bentuk CD atau '*pendrive*'. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa dokumen yang disampaikan itu dibuat dengan sempurna dan teratur di mana semua Borang ABM 1 hingga 7 telah dilengkapkan;
- ii. **tiga (3) salinan** '*hard copy*' cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus (**Lampiran A**) kepada Jabatan Kewangan Negeri;
- iii. **tiga (3) salinan** '*hard copy*' cadangan anggaran Perbelanjaan Pembangunan (**Lampiran B**) dan sesalinan kepada BPEN;
- iv. **tiga (3) salinan** '*hard copy*' cadangan Anggaran Hasil (**Lampiran C**) kepada Jabatan Kewangan Negeri.

19. Mulai **1 Jun 2017**, sekatan akan dikenakan ke atas sistem SPEKS dan proses penyediaan cadangan bajet di peringkat jabatan akan dihentikan. Oleh itu adalah penting bagi Pegawai Pengawal menggunakan tempoh masa yang diberikan untuk merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti. Proses penyediaan bajet seterusnya adalah di peringkat Jabatan Kewangan Negeri.

**Penutup**

20. Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2018 dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di perenggan 18. Sebarang kemusykilan atau penjelasan lanjut dalam **penyediaan cadangan bajet Tahun 2018 bolehlah menghubungi Unit Belanjawan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang** di talian **04-6505197** atau **04-6505184**.

Sekian, terima kasih.

**'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'  
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(SARUL BAHİYAH BIN HAJI ABU)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 4 April 2017

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri  
Pulau Pinang.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pulau Pinang.